

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (15)  
Tarikh : 12 April 2016

**Ketua Pengarang  
The Star**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR THE STAR BERTAJUK "TEEN'S DREAM OF BECOMING ENGINEER ON HOLD DUE TO LACK OF MYKAD" BERTARIKH 11 APRIL 2016, ISNIN – M.S: 6 (NATION)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Hau Seng Keat berkenaan anak beliau, Eric Hau yang bertaraf bukan warganegara.

3 Hasil semakan mendapati anak beliau telah dikeluarkan dengan sijil kelahiran berstatus bukan warganegara berdasarkan taraf kewarganegaraan ibu kanak-kanak yang berstatus bukan warganegara.

4 Ingin dijelaskan, Berdasarkan Perkara 14(1)(b) Seksyen 1(a) Bahagian II Perlembagaan Persekutuan Malaysia dibaca bersama Seksyen 17 Bahagian III Perlembagaan Malaysia menyebut penentuan taraf bagi anak kepada lelaki yang bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan wanita warga asing di mana perkahwinan tidak didaftarkan secara sah mengikut undang-undang Malaysia sebelum anak tersebut dilahirkan adalah mengikut taraf kewarganegaraan ibu.

5. Sehubungan dengan itu, JPN menasihatkan agar Encik Hau Seng Keat hadir ke JPN yang berhampiran bagi mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan untuk anak beliau sebelum mencapai umur 21 tahun.

Sekian, terima kasih.

## **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

### **(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:           1.    YBhg. Dato' Sri KPPN  
                  2.    YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
                  3.    YBrs. Tuan TKPPN (O)